

# NEKMAT guna stok ikan sejuk tampung keperluan

PH 28/5/2022 ms: 4

**Alor Setar:** Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan menggunakan stok ikan sejuk beku dalam simpanan mereka bagi menampung keperluan bekalan susulan pendaratan hasil laut yang berkurangan.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari, berkata pihaknya mempunyai kira-kira 100 tan ikan sejuk beku yang sedia untuk diedarkan ke seluruh negara sekiranya memerlukan, yang mana stok itu mampu bertahan selama 10 hari.

Pada masa sama, beliau berkata pe-

ngusaha bot nelayan swasta juga mempunyai stok simpanan ikan sekitar jumlah sama yang dikeluarkan secara berperingkat mengikut permintaan semasa.

"Stok ikan sejuk beku ini adalah dibawah program Q'Fish dan kita jual pada harga RM10 sekilogram bagi ikan seperti selar, kembung dan selayang.

"Selain 100 tan dimiliki NEKMAT, ada kira-kira 100 tan lagi dalam simpanan pihak swasta yang boleh dijual mengikut permintaan pasaran sedia ada," katanya ketika dihubungi semalam.

Ahad lalu, media melaporkan pendaratian ikan terutama di utara Semenanjung Malaysia berkurangan sehingga 70 peratus iaitu daripada lebih sejuta tan kepada kira-kira 300,000 tan sebulan, berikutan keadaan cuaca tidak menentu sejak dua bulan lalu.

Kekurangan bekalan ikan itu menyebabkan harga ikan di pasaran kini meningkat, selain orang ramai turut berhadapan kesukaran mendapat bekalan.

Mengulas lanjut, Abdul Hamid berkata, pihaknya bersedia untuk menambah

stok ikan sejuk beku itu sekiranya pendaratian ikan meningkat dan harganya kembali stabil dan murah.

Katanya, selain faktor cuaca tidak menentu ketika ini, kekurangan awak-awak warga asing turut menjadi kekangan kepada jumlah pendaratan ikan negara.

"Pemilik bot kelas C2 (bot besar/bot laut dalam) terutamanya sukar untuk mendapatkan awak-awak warga asing, selain mereka perlu mengeluarkan kos tinggi dan mengikut prosedur ketat ditetapkan kerajaan.